



**JABATAN PERHUTANAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR**

KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Kontraktor/Pembekal Pembangunan Hutan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan** di bawah Bidang Kod yang berkaitan dan bertaraf **Bumiputera** serta berdaftar dengan **Jabatan Perhutanan Negeri Pahang** seperti butiran di bawah dengan pendaftaran masih sah tempohnya adalah dipelawa untuk membuat tawaran harga bagi kerja-kerja berikut:-

NO. TAWARAN	TAJUK PROJEK	SIJIL KELAYAKAN	MAKLUMAT LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
PHN.PHG.23/2022 (PSN TGH)	Perkhidmatan Inventori Hutan Selepas Tebangan (<i>Post-F</i>) di Kompt. 31 & 32 dan 35 & 36 Hutan Simpan Chini Tambahan, Daerah Temerloh/Bera dengan luas keseluruhan \pm 222.77 hektar iaitu; <ul style="list-style-type: none"> i. Bekas Lesen CT 01-04-18 (KP), Kompt. 31 & 32 seluas \pm 117.50 hektar; ii. Bekas Lesen CT 01-16-18 (KP), Kompt. 35 & 36 seluas 105.27 hektar 	Kementerian Kewangan Kod Bidang 222105	<p>Tarikh: 21 April 2022 (Khamis)</p> <p>Masa: 9.00 pagi</p> <p>Tempat berkumpul: Pejabat Hutan Renj Bera, 28200 Bera</p>	<p>28 April 2022 (Khamis)</p> <p>Masa 12.00 tengah hari</p>
PHN.PHG.24/2022 (PSN TGH)	Perkhidmatan Inventori Hutan Selepas Tebangan (<i>Post-F</i>) di Bekas Lesen CT 01-15-18 (KP), Kompt. 131B Hutan Simpan Chini, Daerah Temerloh/Bera seluas \pm 120.00 hektar	Kementerian Kewangan Kod Bidang 222105	<p>Tarikh: 21 April 2022 (Khamis)</p> <p>Masa: 9.00 pagi</p> <p>Tempat berkumpul: Pejabat Hutan Renj Bera, 28200 Bera</p>	<p>28 April 2022 (Khamis)</p> <p>Masa 12.00 tengah hari</p>

PHN.PHG.25/2022 (PSN TGH)	Perkhidmatan Inventori Hutan Selepas Tebangan (<i>Post-F</i>) di Bekas Lesen CT 01-08-20 (KP), Kompt. 68A Hutan Simpan Chini, Daerah Temerloh/Bera seluas ± 125.39 hektar	Kementerian Kewangan Kod Bidang 222105	Tarikh: 21 April 2022 (Khamis) Masa: 9.00 pagi Tempat berkumpul: Pejabat Hutan Renj Bera, 28200 Bera	28 April 2022 (Khamis) Masa 12.00 tengah hari
------------------------------	---	---	---	--

2. Kontraktor **DIWAJIBKAN** menghadiri Lawatan Tapak pada tarikh tersebut dengan menggunakan kenderaan pacuan empat roda (4X4) bagi tujuan lawatan ke lapangan. Hanya penama dalam lesen sahaja dibenarkan menyertai lawatan tapak. Wakil tidak dibenarkan bagi tujuan ini. Kontraktor yang tidak menghadiri lawatan tapak tidak dibenarkan membeli borang sebut harga.

3. Borang-borang Sebut Harga boleh dibeli di **Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Tingkat 5, Kompleks Tun Razak, Bandar Indera Mahkota, 25990 Kuantan, Pahang Darul Makmur** mulai **Tarikh Lawatan Tapak** seperti di atas dengan menyertakan **wang pos berharga RM 20.00** yang dibuat atas nama "**PENGARAH PERHUTANAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR**". Bayaran secara Wang Tunai tidak akan diterima.

4. Kontraktor yang ingin membeli Borang Sebut Harga dikehendaki membawa sijil asal **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Sijil Kewangan (dengan kod berkaitan), Sijil Taraf Bumiputera dan Sijil Kontraktor Pembangunan Hutan** yang masih sah laku tempohnya.

5. Dimaklumkan juga bahawa kenyataan tawaran sebutharga tersebut boleh dimuat turun dengan melayari laman sesawang jabatan iaitu <http://forestry.pahang.gov.my>.

6. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga yang disediakan di **Pejabat Perhutanan Negeri** dan surat mestilah dialamatkan kepada **Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Tingkat 5, Kompleks Tun Razak, Bandar Indera Mahkota, 25990 Kuantan, Pahang Darul Makmur**. Pihak Jabatan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.

Dikeluarkan oleh:
Seksyen Silvikultur Zon Pahang Tengah
Pejabat Pembangunan Hutan Zon Pahang Timur
Bukit Sekilau,
25200 Kuantan, Pahang Darul Makmur

12 APRIL 2022